

SIARAN AKHBAR

S.A. 2026/07/27_18 (HQ)

TNB DAN AIR SELANGOR METERAI KERJASAMA STRATEGIK MEMPERKUKUH DAYA TAHAN INFRASTRUKTUR AWAM KRITIKAL NEGARA

- ESA membekalkan tenaga kepada loji rawatan air terbesar di Asia Tenggara.
- CESA memperkenalkan penyelesaian sistem pendinginan lingkungan pertama untuk industri utiliti air di Malaysia.

Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan **Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. (Air Selangor)** hari ini memeterai kerjasama strategik penting bagi memperkukuh kebolehpercayaan, daya tahan dan keselamatan infrastruktur tenaga dan air negara menerusi pemeteraian Perjanjian Pembekalan Elektrik (*Electricity Supply Agreement*, ESA) dan Perjanjian Pembekalan Tenaga Pendinginan (*Cooling Energy Supply Agreement*, CESA).

Kerjasama ini merupakan satu pencapaian penting dalam memperluas penyelesaian utiliti bersepadu yang meningkatkan kecekapan infrastruktur awam kritikal, di samping menyokong aspirasi negara ke arah keselamatan, peralihan tenaga dan jaminan keselamatan bekalan air.

Memperkukuh Daya Tahan Infrastruktur Kritikal Negara

Menerusi ESA, TNB akan membekalkan elektrik voltan tinggi kepada Loji Rawatan Air Sungai Rasau di Kuala Langat, Selangor — loji rawatan air terbesar di Asia Tenggara dengan kapasiti rawatan sebanyak 1,400 juta liter sehari (MLD). Apabila siap sepenuhnya pada tahun 2031, loji ini dijangka membekalkan air terawat bersih dan selamat kepada 9.62 juta pengguna di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Perjanjian ini juga menjadikan Loji Rawatan Air Sungai Rasau sebagai loji rawatan air pertama di Malaysia yang menerima bekalan elektrik voltan tinggi secara terus pada voltan 132 kV, sekali gus meningkatkan kebolehpercayaan serta kecekapan operasi salah satu aset infrastruktur air paling strategik negara.

Selain kerjasama tersebut, TNB melalui anak syarikat milik penuhnya, TNB Engineering Corporation Sdn. Bhd. (TNEC), juga akan membekalkan perkhidmatan *Gas District Cooling* kepada fasiliti Air Selangor di Jalan Pantai Baharu, Kuala Lumpur menerusi CESA dengan konsesi selama 20 tahun, sekali gus menjadikan Air Selangor sebagai syarikat utiliti air pertama di Malaysia yang menggunakan perkhidmatan pendinginan lingkungan.

Melalui perkhidmatan TNEC, fasiliti berkenaan dijangka menikmati kebolehpercayaan sistem yang lebih tinggi, prestasi tenaga yang lebih mantap serta kecekapan operasi yang lebih baik berbanding sistem pendinginan konvensional secara sendiri.

Pertukaran perjanjian tersebut disempurnakan oleh Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir. Ts. Shamsul Ahmad, dan Ketua Pegawai Eksekutif Air Selangor, Adam Saffian Ghazali, dalam satu majlis yang berlangsung di Kuala Lumpur.

Majlis tersebut disaksikan Timbalan Perdana Menteri II merangkap Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air, YAB Datuk Amar Haji Fadillah Haji Yusof, serta Menteri Besar Selangor, YAB Dato' Seri Amirudin Shari, yang juga Pengerusi Air Selangor.

Memperkukuh Perkhidmatan Demi Kesejahteraan Rakyat

Kerjasama strategik ini mencerminkan komitmen bersama kedua-dua organisasi dalam meningkatkan daya tahan operasi, mempercepat usaha kelestarian serta memperkenalkan penyelesaian infrastruktur inovatif yang memperkukuh penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.

Shamsul berkata, kerjasama ini membuktikan bagaimana integrasi yang lebih erat antara sektor tenaga dan sektor air mampu memperkukuh daya tahan infrastruktur kritikal negara, sekali gus menyokong agenda pembangunan jangka panjang Malaysia.

"Kerjasama ini mencerminkan komitmen TNB dalam menyediakan penyelesaian tenaga yang inovatif dan mampan. Dengan menggabungkan kepakaran kami bersama Air Selangor, kami mencipta nilai yang memberi manfaat kepada pelanggan, memperkukuh perkhidmatan utiliti penting serta menyumbang kepada masa depan Malaysia yang lebih lestari," katanya.

Sementara itu, Adam Saffian berkata kerjasama tersebut merupakan satu lagi pencapaian penting dalam usaha berterusan Air Selangor untuk memastikan bekalan air terawat yang bersih dan selamat disalurkan secara berterusan kepada 9.62 juta pengguna di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya.

"Sebagai penyedia perkhidmatan air terbesar di Malaysia serta ahli kepada *Leading Utilities of the World* (LUOW), memastikan operasi yang cekap, berdaya tahan dan mampan merupakan teras kepada janji jenama kami untuk menyampaikan kegembiraan dalam setiap titisan kepada para pengguna, di samping menyokong pertumbuhan ekonomi Negeri Selangor sebagai antara penyumbang utama kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara," katanya.

Kerjasama ini mengukuhkan peranan saling melengkapi antara TNB dan Air Selangor dalam memastikan kesinambungan dua utiliti awam paling kritikal negara. Melalui integrasi penyelesaian tenaga yang inovatif dengan infrastruktur air yang strategik, kedua-dua organisasi terus menyokong aspirasi Kerajaan untuk memperkukuh keselamatan tenaga dan air negara, di samping mempercepat penggunaan teknologi mampan dalam pembangunan infrastruktur kritikal.

Mengenai Tenaga Nasional Berhad (TNB)

Tenaga Nasional Berhad (TNB) (www.tnb.com.my) ialah syarikat utiliti terkemuka di Malaysia dan Asia dengan operasi antarabangsa di United Kingdom (UK), Ireland, Australia, Turkiye, Arab Saudi, Kuwait, Pakistan dan Kemboja. Dalam sektor tenaga boleh baharu, TNB memiliki jumlah kapasiti penjanaan sebanyak 3.3GW di Semenanjung Malaysia (termasuk 2.5GW hidro berskala besar) dan 1.3GW merangkumi UK, Ireland, Australia dan Turkiye, yang terdiri terutamanya daripada aset penjanaan tenaga solar, angin dan hidro. Selain menjadi penjana utama elektrik negara, TNB juga mengendalikan penghantaran dan pembahagian bekalan elektrik di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan. Sehingga 31 Mac 2026, TNB membekalkan elektrik kepada lebih 11 juta pelanggan.

Mengenai Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. (Air Selangor)

Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) merupakan penyedia perkhidmatan air terbesar di Malaysia, menyediakan bekalan air terawat yang bersih dan selamat kepada lebih 9.62 juta pengguna di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya. Sehingga kini, Air Selangor mengendalikan 34 loji rawatan air yang terletak di 10 wilayah dan mempunyai lebih 5,000 pekerja yang berpengalaman luas dalam pelbagai bidang dalam industri. Berpegang teguh kepada misi dan visinya, Air Selangor berhasrat memberikan pengalaman terbaik untuk pelanggan serta menjadi penyedia perkhidmatan air terkemuka di Asia pada tahun 2030. Air Selangor adalah penyedia perkhidmatan air pertama di Malaysia yang diterima masuk ke dalam rangkaian terkemuka dunia, *Leading Utilities of the World* (LUOW).

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 27 Julai 2026 jam 5:00 petang

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

TNB

Hanim Idris 019-2617617 /

Grace Tan 016-6626229 / Haikal Jalil 012-2270161 / Faiq Haikal 013-3889606

atau emel: media@tnb.com.my

Air Selangor

Elina Baseri 012-355 7644 /

Izad Ismail 012-640 9302 / Norlizah Zahimi 017-332 9854



Pertukaran perjanjian ESA dan CESA tersebut disempurnakan oleh Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir. Ts. Shamsul Ahmad (depan, kiri), dan Ketua Pegawai Eksekutif Air Selangor, Adam Saffian Ghazali (depan, kanan), dalam satu majlis yang berlangsung di Kuala Lumpur. Majlis tersebut disaksikan Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air, Datuk Amar Fadillah Yusof (tengah), Menteri Besar Selangor, Dato' Seri Amirudin Shari (kiri), yang juga Pengerusi Air Selangor, serta Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Dato' Dr. Ahmad Fadzli Ahmad Tajuddin (kanan).